

6.7.2021_Berita Harian_MOSTI_Malaysia terima 6,429,150 dos vaksin Pfizer bulan ini

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Malaysia terima 6,429,150 dos vaksin Pfizer bulan ini

Negara turut terima lebih bekalan Sinovac sekali gus tingkat kadar vaksinasi

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia dijangka menerima 6,429,150 dos vaksin Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech melalui perolehan terus oleh kerajaan dan sumbangan Amerika Syarikat (AS), bulan ini.

La masing-masing sebanyak 5,428,800 dos melalui perolehan terus Kerajaan Malaysia, manakala 1,000,350 daripada Kerajaan AS.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata bekalan dos daripada Kerajaan AS itu sudah diterima pagi semalam.

Beliau yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) berkata, Malaysia juga akan menerima keseluruhan lebih

bekalan vaksin Sinovac, melengkapkan jumlah tempahan sebanyak 12 juta dos, bulan ini.

"Bagi AstraZeneca, selain satu juta dos sumbangan kerajaan yang diterima Jumaat lalu, kita sudah menerima sebanyak 586,700 dos melalui perolehan Kerajaan Malaysia.

"Pada Ogos dan bulan seterusnya, vaksin akan digunakan di bawah PICK adalah Pfizer dan AstraZeneca, tidak termasuk CanSino yang belum diterima tarikh penghantaran.

"Kita juga akan menerima satu lagi sumbangan 500,000 dos vaksin keluaran Sinovac daripada Kerajaan China yang akan tiba pada pertengahan bulan ini, sekali gus terus meningkatkan kapasiti dan kadar vaksinasi PICK," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19

(CITF) yang dihadiri Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, secara maya, semalam.

Khairy berkata, kerajaan sudah memulakan program pemberian vaksin COVID-19 kepada pelajar berusia bawah 18 tahun yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negara, secara bersyarat.

Sehingga minggu ini, katanya, sebanyak 8,615 janji temu sudah diberikan bagi permohonan awal untuk kategori pelajar ingin menyambung pengajian ke luar negara.

"Untuk golongan ini, vaksinasi masih boleh diberikan jika mereka mencecah usia 18 tahun pada tahun ini.

"Satu syarat lain yang perlu dipenuhi adalah ibu bapa atau penjaga mereka perlu menandatangani surat perakuan kebenaran bagi tujuan ini," katanya.

Sementara itu, Khairy ber-

kata, Malaysia sudah meminta pengeluar vaksin AstraZeneca-Oxford untuk memaklumkan kepada Kesatuan Eropah (EU) bahawa semua fasiliti yang mengilangkan vaksin itu menggunakan formula sama.

Beliau berkata, ia susulan keputusan Agensi Perubatan Eropah (EMA) yang tidak mengiktiraf vaksin keluaran AstraZeneca-Oxford di Korea Selatan, Thailand dan Jepun.

Katanya, berikutan itu tiada alasan untuk EMA mendiskriminasikan vaksin keluaran fasiliti yang berbeza.

"Mereka juga perlu memaklumkan semua fasiliti ini mengamalkan Amalan Pengilangan Baik (GMP).

"Berikutan itu, tiada alasan untuk EU mendiskriminasikan antara satu fasiliti AstraZeneca-Oxford dengan fasiliti lain. Saya sudah meminta mereka menimbangkan perkara ini kepada EU," katanya.

Khairy berkata, pihaknya akan mendapatkan penjelasan terperinci daripada EU membabitkan dasar imigresen kesatuan itu berhubung pemberian vaksin keluaran fasiliti yang tidak diiktiraf EMA ketika ini.

Katanya, beliau akan berbin-cang perkara itu dengan Duta EU ke Malaysia, Michalis Rokas.

“Kita juga akan menerima satu lagi sumbangan 500,000 dos vaksin keluaran Sinovac daripada Kerajaan China yang akan tiba pada pertengahan bulan ini”

Khairy Jamaluddin,
Menteri Penyelaras PICK

